

BERITA KUIM

KOLEJ UNIVERSITI ISLAM MALAYSIA, 55100 KUALA LUMPUR

[EDARAN DALAMAN SAHAJA]


BIL. 01/03

JANUARI 2003

[http:// www.kuim.edu.my](http://www.kuim.edu.my)

KANDUNGAN

- Konvensyen Mahasiswa Undang-Undang Syariah Kebangsaan (KAMPUS-1)
- Mahrajan Kerjaya KUIM 2003
- Pasukan Canselori Juara Piala Rektor
- Peristiwa



Dato' Noh Omar sedang memalu gong seterusnya merasmikan KAMPUS-1 – Gambar DJOHAN SHAHRIN

KONVENSYEN MAHASISWA UNDANG-UNDANG SYARIAH KEBANGSAAN (KAMPUS-1)

Cheras – Fakulti Syariah dan Kehakiman KUIM dengan kerjasama Jabatan Hal Ehwal Khas Khas, Kementerian Penerangan Malaysia telah menganjurkan Konvensyen Mahasiswa Undang-Undang Syariah Kebangsaan (KAMPUS-1) pada 25-26 Januari 2003 di Pusat Belia Antarabangsa, Cheras, Kuala Lumpur dengan dirasmikan oleh YB. Dato' Noh Omar, Setiausaha Parlimen Menteri di Jabatan Perdana Menteri manakala penutup dirasmikan oleh Y.Bhg. Tan Sri Dato' Dr. Abdul Hamid Othman, Penasihat Agama kepada Perdana Menteri. Tujuan diadakan Konvensyen tersebut adalah untuk mengkaji dan memikirkan halatuju mahasiswa undang-undang Syariah di IPTA dan IPTS di seluruh negara dalam menghadapi cabaran dalam era globalisasi. Konvosyen tersebut telah disertai oleh mahasiswa dan mahasiswi pengajian undang-undang Syariah dari IPTA dan IPTS seluruh negara. Dalam satu kenyataan pada sidang media selepas perasmian tersebut, YB. Dato' Noh Omar berkata bahawa beliau akan mengemukakan cadangan baru kepada kerajaan agar kaum wanita juga diberi peluang menjadi Hakim di mahkamah Syariah dan walaubagaimanapun ianya terhad kepada kes-kes kekeluargaan Islam sahaja.

MAHRAJAN KERJAYA KUIM

Satu Program Mahrajan Kerjaya KUIM 2003 telah diadakan bertempat di Dewan MPAJ, Pandan Indah pada 14-16 Januari 2003. Mahrajan Kerjaya KUIM merupakan Festival Kerjaya yang julung kalinya diadakan di KUIM dan tujuan diadakan program tersebut adalah untuk melahirkan graduan sulung KUIM

Lihat Muka 2

Sambungan Muka 1

yang berwibawa, berkualiti dan berkemahiran juga untuk memberikan pengisian kerjaya yang berkesan kepada mahasiswa dan mahasiswi KUIM khususnya kepada bakal graduan pertama KUIM yang akan menempuh ke alam pekerjaan. Program tersebut telah mendapat kerjasama pelbagai pihak dari sektor awam dan korporat seperti Angkatan Tentera Malaysia, KFC Holdings Berhad dan telah dirasmikan oleh Tuan Haji Izhar Sulaiman, Ahli Lembaga Pengarah KUIM.

PASUKAN CANSELORI JUARA PIALA REKTOR

25 Jan. – KUIM telah mengadakan Kejohanan Bola Sepak Piala Rektor bagi kakitangan di Padang Sekolah Kebangsaan Taman Muda baru-baru ini. Kejohanan sehari itu diadakan bagi menghargai jasa dan sumbangan Y.Bhg. Prof. Dato' Dr. Abdul Shukor Hj. Husin, Rektor KUIM yang gigih membangunkan KUIM dalam semua aspek termasuk akademik, pentadbiran, sukan dan rekreasi. Kejohanan yang dijadikan acara tahunan itu juga diadakan bertujuan

memupuk semangat kekeluargaan di kalangan kakitangan. Empat pasukan gabungan kakitangan Canselori, Pendaftar, Bendahari dan Fakulti menyertai kejohanan tersebut dengan pasukan Canselori muncul juara buat julung kalinya setelah menewaskan pasukan Fakulti dengan jaringan 3-2 dalam penentuan sepakan penalti manakala tempat ketiga dan keempat telah dimenangi pasukan Bendahari dan Pendaftar.

PERISTIWA

- | | |
|----------------------|---|
| 7 Januari | - Sidang Media Mahrajan Kerjaya KUIM 2003. |
| 9 Januari | - Majlis Sambutan Hari Raya KUIM.
- Malam Perdana Siswa JAKSA 2001/2002. |
| 15 Januari | - Majlis Penyampaian Watakah Perlantikan MPP 2002/2003. |
| 17-19 Januari | - Penyertaan Kakitangan dan Pelajar ke Kolokium Ke II Wanita PEMADAM 2003, Genting Highland. |
| 22 Januari | - Lawatan Pengurusan Kolej Universiti Kejuruteraan Utara Malaysia (KUKUM).
- Anugerah Dekan Fakulti Pengajian Quran dan Sunnah.
- Anugerah Dekan Fakulti Syariah dan Kehakiman. |
| 24 Januari | - Temuramah Akhbar Bersama Timbalan Rektor (Akademik dan Penyelidikan) dan YDP MPP. |
| 27 Januari | - Tazkirah Syariah Oleh Pengerusi Lembaga Pengarah Universiti. |
| 28 Januari | - Lawatan Rombongan Wakil Al Azhar As Syarif, Kaherah, Mesir. |
| 30 Januari | - Majlis Penyerahan Watakah JAKSA 2002/2003. |

MAKLUMAN

Anda ada sebarang berita/peristiwa untuk dikongsi bersama warga KUIM? Hantarkan kepada Unit Perhubungan Awam dengan kadar segera. Terima Kasih.